

Headline	Penginapan Airbnb makin popular		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	02 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Kembara	Circulation	125,514
Page No	66	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	747 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,750
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,249



Penginapan Airbnb makin popular

➔ Nikmati keseronokan percutian selesa bersama keluarga, rakan dan saudara mara

Walaupun di mana berada, ketibaan Aidilfitri turut membawa maksud masa untuk berkumpul dan meraikan bersama keluarga.

Tapi bukan saja pada hari perayaan, percutian pada hujung tahun, musim cuti sekolah yang panjang atau hari kelepasan am, turut dijadikan masa yang sesuai untuk mengatur santai bersama sesi keluarga, rakan atau saudara mara.

Di Asia Tenggara, yang menempatkan ramai golongan Nusantara, Airbnb kian popular dalam kalangan keluarga daripada pelbagai generasi. Data menunjukkan bahawa walaupun lebih ramai orang memilih untuk meluangkan musim perayaan atau percutian di luar, mereka masih ingin mengkalkan tradisi lama dengan

meraikannya bersama keluarga.

Sesuai kepada semua golongan
Konsep penginapan dikenali Airbnb iaitu penginapan seperti di rumah sendiri, mencatatkan peningkatan dalam tempahan dengan purata empat atau lebih tetamu pada musim perayaan, sekali gus menjadi malam percutian keluarga paling tinggi yang pernah dicatatkan bagi

tetamu dari Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Destinasi popular untuk pelancong Malaysia termasuk Georgetown, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bharu, Jepun, Thailand dan Australia.

Senarai Airbnb dianggap sesuai untuk golongan muda yang dahagakan pengembalaan, peminat taman tema, pencinta budaya yang ingin menyelami warisan budaya

lain dan serta keluarga yang ingin mendekatkan diri dengan alam sekitar.

Templer Park Rainforest Retreat - Rawang, Selangor, (muat sehingga 16 orang)

Destinasi percutian yang damai ini terletak di atas Hutan Lipur Kanching, hanya 30 minit dari Kuala Lumpur. Istimewa untuk mereka yang ingin melarikan diri daripada kesibukan kota pasti kerana ia menawarkan kehijauan rimba dan pemandangan gunung-ganang.

Rumah Kolonial, Melaka

Kediaman gaya Peranakan yang anggun ini terletak di belakang Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka. Ia menawarkan kedamaian daripada kesesakan Melaka Raya.

Kediaman ini ideal untuk percutian seisi keluarga dan menawarkan kemudahan seperti sarapan, set barbeku, kolam renang dan taman peribadi.

Eco Haus, Johor

Penginapan yang peka alam sekitar ini tidak jauh dari syurga dunia buat kanak-kanak, Legoland. Dengan bayaran tambahan, pemilik turut menyediakan perkhidmatan ke lapangan terbang dan pengangkutan pergi dan balik ke Singapura.

Rumah Boutique


di Mont Kiara, Kuala Lumpur

Terletak di tengah-tengah Lembah Klang, sekitar 30 minit memandu ke rizab alam semula jadi indah yang diterajui oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Headline	Penginapan Airbnb makin popular		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	02 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Kembara	Circulation	125,514
Page No	66	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	747 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,750
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,249



*Templer Park
Rainforest
Retreat - Rawang,
Selangor; hanya
30 minit dari
Kuala Lumpur.*



Rumah Kolonial, Melaka.



Penginapan yang peka alam sekitar, Eco Haus, Johor.

Headline	Penginapan Airbnb makin popular		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	02 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Kembara	Circulation	125,514
Page No	66	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	747 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,750
Frequency	Daily	PR Value	RM 77,249

